

B U K U P A N D U A N

PENGAJARAN

B U K U P A N D U A N

PENGAJARAN

Diterbit oleh
Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

© 1994, 1999, 2001 oleh Intellectual Reserve, Inc.
Hak cipta terpelihara
Dicetak di Amerika Syarikat

Kelulusan bahasa Inggeris: 3/01
Kelulusan Penterjemahan: 3/01
Penterjemahan *Teaching Guidebook*
Malay
34595 348

Kandungan

Pengenalan	1
Menyediakan Diri Sendiri Secara Rohani	2
Mengajar Seperti Yesus	4
Gunakan Berbagai-bagai Cara Pengajaran	9
Menyediakan Pelajaran Anda	13
Memahami Mereka Yang Anda Ajar	16
Ganjaran dari Pengajaran	18
Memberikan Perbaikan Guru dalam Cabang	19
Rumusan Kursus Teaching the Gospel	21
Memperolehi Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga	23

Pengedaran

Buku Panduan Pengajaran digunakan bersama-sama dengan kurikulum asas dan juga berguna kepada para guru dan ahli-ahli lain dalam unit yang gunakan kurikulum umum (lihat *Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum* [36363]). Buku panduan ini boleh membantu para ahli untuk memperbaiki pengajaran dalam rumah dan dalam organisasi Gereja. Setiap orang guru harus menerima satu salinan; dan ketua setiap keluarga boleh mendapati bahawa buku panduan ini berguna kepada mereka juga.

Pengenalan

Buku panduan ini direka untuk para ibubapa, para pemimpin, dan para guru. Ia boleh digunakan sebagai sebahagian dari usaha individu untuk menjadi seorang guru yang lebih baik. Ia boleh digunakan sebagai asas untuk kursus Teaching the Gospel dan pertemuan perbaikan guru. (lihat muka surat 19–22).

Tuhan Mengajar:

“Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu hendaknya saling mengajarkan ajaran kerajaan.

“Mengajarlah kamu dengan tekun dan kasih kurniaKu akan menyertaimu, agar kamu boleh diberi petunjuk dengan lebih sempurna dalam teori, dalam asas, dalam ajaran, dalam hukum injil, dalam segala sesuatu yang berkaitan dengan kerajaan Tuhan, yang perlu bagimu untuk dimengerti” (A&P 88:77–78).

Rumah tangga haruslah pusat di mana pengajaran dilakukan. Rumah tangga disokong oleh pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam Gereja. Kita semua bertanggungjawab sebagai guru dalam keadaan ini dan dengan jiran-jiran kita dan kawan-kawan dalam kehidupan



harian kita. Kita mengajar sebagai ibubapa, anak lelaki, anak perempuan, suami, isteri, abang dan adik lelaki, kakak dan adik perempuan. Kita mengajar sebagai pemimpin Gereja, guru dalam kelas, pengajar keluarga, dan pengajar berkunjung. Kita juga mengajar sebagai rakan sejawat, jiran, dan sahabat. Kadang kala kita mengajar dengan kata-kata kita dan kesaksian yang kita ucapkan, tetapi lebih kerapnya kita mengajar melalui teladan.

Pada pantai Laut Galilea, Tuhan yang sudah dibangkitkan mengarah Petrus, “Peliharalah domba-dombaKu” (Yohanes 21:16–17). Panggilan untuk mengajar menghendakkan kita untuk menyuburkan jiwa orang lain dengan kebenaran dan dengan itu menuju memimpin mereka terhadap Juruselamat (lihat Moroni 6:4). Pandangan peranan pengajaran injil dalam penyelamatan anak-anak Bapa Syurgawi. Bolehkah anda menggambarkan satu tugas lain yang lebih mulia dan lebih kudus?

Jika anda seorang ibu atau bapa atau seorang guru yang baru dipanggil, anda mungkin terutamanya risau tentang tanggungjawab ini. Ingatkanlah bahawa Tuhan sedia menolong anda. Dia sudah janji bahawa jika kita merendahkan hati dan beriman, Dia akan “menjadikan apa yang lemah menjadi kuat bagi [kita]” (Eter 12:27). Dalam usaha kita untuk memperbaiki sebagai seorang guru, kita boleh membina di atas pengalaman kita dan kemahiran yang sudah kita peroleh dalam hidup kita. Usaha kita akan bertambah semasa kita bersedia dengan berhati-hati, cuba untuk memperkuat mereka yang kita ajar, dan percaya terhadap Tuhan.

Menyediakan Diri Sendiri Secara Rohani



Bila anda menyediakan diri sendiri secara rohani, Roh, atau Roh Kudus, akan membimbing dan membantu anda dalam pengajaran anda. Roh Kudus diperlukan untuk mengajarkan asas-asas dan kebenaran injil. Tuhan berfirman, “Dan Roh akan diberikan kepadamu melalui doa dengan iman; dan jika kamu tidak menerima Roh janganlah kamu mengajar” (A&P 42:14). Cadangan-cadangan berikut akan membantu anda bersedia untuk mengajar dengan bimbingan dari Roh Kudus.

Ditetapkan

Bila anda dipanggil untuk mengajar, anda harus ditetapkan dan diberikan satu berkat istimewa oleh pemimpin imamat anda. Berkat ini akan menolong anda untuk memenuhi panggilan anda. Bila anda lakukan segala yang dapat anda layani dalam panggilan anda untuk mengajar, Tuhan akan membesarkan potensi anda

untuk mempengaruhi orang lain demi kebaikan. Dia akan mengembangkan anda lebih dari bakat dan keupayaan anda bila diperlukan.



Carikan Bimbingan Roh Kudus

Carikan Roh Kudus bila anda mengajar. Dia akan menolong anda untuk memahami keperluan mereka yang anda ajar dan untuk menyediakan pelajaran untuk menemui keperluan-keperluan itu. Dia akan melembutkan hati anda dan menyediakan fikiran anda untuk menerima inspirasi dan bimbingan tambahan.

Selalu Berdoa

Selalu berdoa dan meminta Tuhan untuk memberkati anda bila anda mengaji dan bersedia. Ada masanya anda mungkin boleh menambahkan puasa ke doa anda. Berdoa untuk memahami dan mengasihi mereka yang anda ajar. Belajar untuk mengenali dan mengikut galakan Roh Kudus yang akan datang ke anda.

Mengajikan Tulisan Suci

Mengaji tulisan suci dengan berdoa. Bila anda membuat demikian, anda akan belajar tentang Juruselamat dan berkembang dalam pengetahuan kebenaran. Roh Kudus akan menolong anda memahami tulisan suci dan mendapati cara untuk mengaplikasikan tulisan suci kepada keperluan-keperluan ahli-ahli kelas atau ahli-ahli keluarga. Dengan menambah doa dan puasa ke pengajian tulisan suci anda, anda akan diperkukuhkan dan dibimbing oleh Roh Kudus dalam pengajaran anda.



Mematuhi Injil

Patuhi ajaran-ajaran injil sepenuh yang dapat anda upaya. Bertaubat tentang pelanggaran anda. Bila anda lakukan perkara-perkara ini, anda akan menerima kekuatan dan kefahaman. Kedamaian dan kegembiraan yang dapat anda rasa

dari berusaha untuk mematuhi injil akan menjadi jelas terbukti kepada orang lain. Mereka akan merasa ketulusan hati dari kesaksian anda dan kuasa dari komitmen anda. Mereka akan diarahkan oleh teladan hidup anda.

Seorang guru mengalami masa yang sukar untuk merasai bimbingan dari Roh Kudus bila dia menyediakan pelajarannya. Bila dia berdoa demi bantuan, dia sedar bahawa dia mempunyai perasaan marah dalam hatinya terhadap seorang jiran yang bertindak kurang baik terhadapnya. Dia meminta Tuhan untuk memaafkannya dengan rendah hati. Hari lepas itu dia mengunjung jiran itu dan meminta maaf kerana dia merasa marah terhadap jiran itu. Dia dan jiran itu menjadi rapat, dan dia dapat menikmati bimbingan dari Roh Kudus sekali lagi.

Merendahkan Hati

Kerendahan hati boleh menolong anda untuk mengelakkan godaan untuk mencarikan perhatian demi diri sendiri atau bergantung terlebih pada pengetahuan atau bakat diri sendiri. Anda boleh menunjukkan kerendahan hati dengan mengikut nasihat dalam Amsal 3:5-6: "Percayalah kepada Tuhan dengan sepenuh hatimu. Jangan bergantung kepada pengertianmu sendiri. Ingatlah akan Tuhan dalam segala perbuatanmu, dan Dia akan menunjukkan cara hidup yang baik kepadamu." Tuhan mengajar, "Jadilah engkau rendah hati; dan Tuhan akan menuntun tanganmu, dan memberi engkau jawapan terhadap doadoamu" (A&P 112:10).

Mengajar Seperti Yesus



Kasihi Mereka Yang Anda Ajarkan

Semasa kehidupannya pada bumi ini, Juruselamat menunjukkan kasih sayang dan kefahaman yang hebat terhadap setiap orang. Dia mengajar orang yang miskin, yang kaya, yang tersingkir, dan orang yang berdosa. Dia mengajar kita untuk mengasihinya setiap orang dan untuk menolong satu sama lain. Dia berfirman, "Sekarang Aku memberikan perintah baru kepada kamu: Hendaklah kamu saling mengasihinya. Sebagaimana Aku sudah mengasihinya kamu, hendaklah kamu saling mengasihinya" (Yohanes 13:34). Bila kita menunjukkan kasih sayang kepada mereka yang kita ajar, mereka menjadi lebih sedar tentang nilai kekekalan mereka, menjadi lebih bersemangat tentang pembelajaran, dan menjadi lebih mudah untuk menerima Roh.

Menjadi seorang guru injil bererti lebih daripada mempersembahkan satu pelajaran

setiap minggu. Ia juga bererti mengambil berat tentang ahli-ahli kelas anda. Berusaha untuk mengenali setiap ahli secara individu. Ini akan menolong anda untuk mengajar mereka dengan lebih berkesan. Mereka mungkin perlu bantuan anda bila mereka menghadapi masalah, bila mereka tidak hadir, atau bila mereka menjadi tidak upaya. Ingatkanlah perumpamaan Juruselamat tentang seekor domba yang hilang (lihat Lukas 15:3–6).



Seorang guru mendapati bahawa bila dia menghubungi keluarga seorang kanak dari kelasnya yang jarang menghadiri kelas semasa hari minggu, kanak itu akan menghadiri gereja pada hari Ahad berikut. Guru itu membuat satu usaha untuk sentiasa berbual-bual dengan ibubapa kanak itu dan menyebut kasih sayangnya terhadap anak mereka. Dia juga mengangkat kanak itu dari sekolah bila ibubapanya bekerja supaya kanak itu dapat menghadiri aktiviti kelas.

Sebagai seorang guru, anda juga boleh melakukan banyak hal untuk bersahabat dengan para ahli dan membantu mereka menjadi tetap berpaling kepada injil. Ini adalah terutamanya penting bagi ahli-ahli baru. Selalu membantu mereka merasa diingini. Carikan kesempatan bagi mereka untuk mengambil bahagian dalam kelas. Menyediakan diri sendiri untuk mengajar kebenaran injil melalui Roh dan dengan kasih sayang.

Ajarkan Kebenaran Injil

Juruselamat mengajarkan kebenaran injil. Dia menekan asas-asas dan tatacara injil pertama—iman, pertaubatan, pembaptisan, dan menerima Roh Kudus. Dia mengajar kita untuk mengasihi dan melayani satu sama lain. Dia mengajar tentang imamat, perjanjian, serta tatacara injil, dan segala yang mesti kita tahu, laku, dan untuk datang kepadaNya. Kita juga harus mengajarkan injil seperti yang diwahyukan dalam tulisan suci dan kata-kata nabi zaman akhir. Subjek-subjek sekular, pendapat peribadi, dan ajaran-ajaran yang spekulatif dan yang bersifat kontroversi adalah tidak sesuai.

Juruselamat mengajarkan kebenaran injil dengan mudahnya. Dia gunakan bahasa yang jelas dan yang mudah difahami, cerita-cerita, dan contoh-contoh dari kehidupan harian. Pelajarannya termasuk banyak pengalaman yang biasa yang boleh difahami oleh orang ramai. Dia berucap tentang mencarikan domba yang hilang, mencarikan satu duit syiling, dan bergembira kerana kepulangan seorang anak yang sesat (lihat Lukas 15).

Juruselamat selalu mengambil dari tulisan suci bila Dia mengajar. Pimpinkan mereka yang anda ajar dengan sering menggunakan kitab-kitab suci semasa pelajaran anda. Bantu mereka untuk memahami bahawa orang dalam kitab-kitab suci adalah orang yang benar yang mengalami cubaan dan kebahagiaan dalam usaha mereka untuk melayani Tuhan. Tanyakan soalan-soalan yang memerlukan mereka yang anda ajar untuk mencarikan jawapan dalam kitab-kitab suci. Galakkan individu untuk mengaji di rumah, dan tunjukkan mereka yang anda ajar, cara untuk mengaji dengan berkesan. Ajarkan mereka cara untuk menggunakan bantuan pengajian dalam kitab-kitab suci. Berikan tugas yang menghendakkan ahli-ahli kelas untuk mencarikan kitab-kitab suci dan kata-kata para nabi zaman akhir.

Ajar melalui Roh

Para guru harus mencarikan Roh Tuhan bila mereka mengajar. Seorang boleh memperoleh kebenaran yang mendalam, dan para ahli kelas boleh mengambil bahagian dalam perbincangan yang merangsangkan, tetapi tanpa kehadiran Roh, perkara-perkara ini tidak dapat mempengaruhi jiwa mereka dengan kuatnya. Bila Roh berhadir,

semua orang dapat dikuatkan dalam kasih sayang mereka kepada Bapa Syurgawi dan Yesus Kristus, dalam kasih sayang mereka kepada satu sama lain, dan dalam komitmen mereka untuk mematuhi injil. Berikut adalah perkara-perkara yang boleh anda lakukan untuk menjemput Roh dalam pengajaran anda:

- Mula dengan doa.
- Ajar dari kitab-kitab suci dan kata-kata para nabi zaman akhir.
- Berikan kesaksian anda.
- Kongsikan pengalaman dan jemputkan orang lain untuk berkongsi juga.
- Gunakan musik (lihat muka surat 10).
- Tunjukkan kasih sayang anda terhadap Tuhan dan orang lain.

Jika anda benar-benarnya menyediakan diri sendiri, Roh Kudus akan menerangkan dan membimbing anda semasa anda mengajar. Anda boleh menerima impresi tentang mereka yang anda ajar dan perkara yang harus anda tekankan bila mengajar mereka. Anda boleh menerima idea-idea dan perasaan tentang cara anda boleh mengajar mereka dengan paling berkesan. Usaha ketekunan anda akan dibesarkan bila anda mematuhi bisikan Roh dengan rendah hati. Anda juga akan dapat membantu mereka yang anda ajar untuk mengenalpasti pengaruh Roh.

Jemputkan Pembelajaran yang Tekun

Tuhan berfirman, "Carilah kamu dari buku-buku terbaik kata-kata kebijaksanaan; upayakanlah pembelajaran, bahkan melalui penelaahan dan juga melalui iman" (A&P 88:118). Setiap ahli



bertanggungjawab untuk memperoleh pengetahuan kebenaran melalui usaha diri sendiri. Tanggungjawab seorang guru adalah untuk menyedarkan keinginan mereka untuk mengaji, memahami, dan mematuhi injil. Untuk memenuhi tanggungjawab ini, anda boleh berfokus pada tiga perkara:

1. Membangunkan mereka yang anda ajar dan mengambil minat dalam mereka. Kunci untuk berlaku demikian adalah semangat anda demi pengajian injil. Satu lagi adalah cara pengajaran anda yang menjadikan pelajaran anda jelas, menarik hati, dan mudah diingati (lihat muka surat 9–12). Untuk membangunkan minat adalah terutamanya penting pada permulaan satu pelajaran. Semasa anda menyediakan pelajaran anda, carikan cara untuk menjemputkan Roh, menarik perhatian semua orang dengan permulaan yang menarik hati, dan berfokus pada ajaran atau asas yang harus diajar dalam pelajaran itu.
2. Galakkan penyertaan. Rancangkan cara-cara untuk melibatkan semua orang untuk mengambil bahagian dalam pelajaran anda. Anda boleh menanya seseorang untuk membacakan satu petikan

atau ayat suci atau memberitahu satu cerita. Anda boleh menjemput mereka untuk menjawab soalan dan berbincang tentang bahan-bahan pelajaran secara bebas. Anda boleh meminta seseorang untuk menyanyi atau memainkan alat musik. Anda boleh memilih seseorang dengan berdoa untuk memberi kesaksian atau mengongsikan satu pengalaman peribadi yang berkaitan dengan topik pelajaran itu. Kadang-kala adalah penting untuk memintakan penyertaan sebelum pelajaran supaya mereka yang anda jemput boleh berlatih dan berasa senang hati bila mengambil bahagian.

Idea utama pelajaran seseorang guru adalah kepentingan pembacaan Kitab Mormon. Dia menjemput para remaja dalam kelasnya untuk memikirkan satu perenggan dari kitab suci yang sudah mengubahkan hidup mereka. Dia kemudian menjemput tiga atau empat orang sukarelawan untuk berdiri dan mengongsikan perenggan-perenggan kitab suci mereka dengan kelas dan untuk menghuraikan bagaimana perenggan-perenggan itu sudah mengubahkan hidup mereka. Semasa setiap orang mengongsikan perasaan manis mereka tentang kuasa Kitab Mormon, ahli-ahli kelas memperoleh satu keinginan sepenuh hati untuk membaca dan merenungkan kitab suci setiap hari.

Ada orang yang segan mengambil bahagian. Jangan menanya individu itu membaca secara lantang atau berdoa sehingga anda pasti mereka merasa selesa untuk membuat demikian. Jika anda tidak pasti tentang kerelaan seseorang untuk mengambil bahagian, minta demi sukarelawan dan jangan

panggil seseorang yang mungkin segan. Kebanyakan pelajar akan belajar dengan perlahan-lahannya untuk merasa selesa untuk mengambil bahagian jika mereka dapat melihat orang yang mengambil bahagian disambut dengan kehormatan dan kesopanan.

3. Menolong mereka untuk mengaplikasikan perkara yang sudah mereka belajar. Anda juga harus membantu para pelajar untuk mengaplikasikan perkara yang sudah diajar ke dalam keadaan hidup mereka. Ini boleh termasuk memberi tugas dan cabaran yang dapat menolong ahli-ahli kelas untuk memperoleh pengalaman pembelajaran dengan kebenaran yang sudah diajar. Ingatkanlah bahawa pembelajaran injil tidak bernilai tanpa ia menjadi kehidupan injil.

Ciptakan satu Suasana Pembelajaran

Suasana yang paling baik untuk pembelajaran injil adalah suasana di mana setiap orang yang hadir mengambil berat tentang pembelajaran ahli-ahli lain dalam kumpulan itu. Keinginan untuk belajar meningkat bila para guru dan para pelajar mengasihi satu sama lain dan membantu satu sama lain untuk memahami dan mematuhi



injil. Bila anda bekerja sama dengan mereka yang anda ajar untuk merekakan satu suasana pembelajaran yang positif, gangguan akan menjadi kurang. Anda harus melakukan segala yang boleh anda lakukan untuk merekakan suasana begini dan untuk membantu mereka yang anda ajar mengetahui cara untuk menyumbang untuk mencapai suasana ini.

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh anda lakukan untuk menolong mereka suasana pembelajaran:

- Tiba pada masa yang tepat dengan semua bahan dan alat pengajaran yang diperlukan.
- Pastikan bilik itu adalah bersih, tersusun, selesa, dan tanpa gangguan jika mungkin.
- Mula dan tamat tepat masa.
- Memberi salam dan menyambut ahli-ahli kelas secara individu, jika mungkin.
- Melakukan perkara yang menjemput Roh dan yang menggalakkan takzim dan kesopanan.
- Mengasihi ahli-ahli kelas dan membantu mereka untuk merasa selesa bila mengambil bahagian.
- Tanyakan soalan-soalan yang membantu ahli-ahli kelas berfokus pada subjek.
- Galakkan ahli-ahli kelas untuk mendengar satu sama lain dengan kehormatan dan kefahaman.
- Mengawal tentang perbualan yang mungkin akan merosakkan atau mele-

mahkan kesaksian atau akan menyebabkan kehilangan Roh.

Walaupun selepas anda lakukan segala perkara untuk mereka suasana pembelajaran, anda masih mungkin menghadapi beberapa cabaran. Cadangan-cadangan berikut boleh menolong anda untuk mengatasi cabaran dan masalah yang umum:

- Jika gangguan berlaku, berhenti sehingga anda dapat menarik perhatian semua orang. Kemudian teruskan pelajaran itu.
- Jika individu tertentu berbual-bual dengan orang lain semasa pelajaran, mengunjung mereka selepas kelas dan menanya mereka tentang perkara yang boleh anda dan mereka lakukan untuk memastikan kejayaan kelas itu.
- Jika seseorang mendominasi perbincangan kelas, arahkan soalan-soalan ke ahli-ahli kelas lain atau cadang dengan bersopan-santun bahawa anda ingin mendengar dari orang yang belum mengambil bahagian.
- Jika ahli-ahli kelas memberi pandangan yang mengarahkan perbincangan jauh daripada topik pelajaran, tunjukkan penghargaan terhadap mereka tetapi mengarahkan perbincangan itu balik kepada topik pelajaran.

Perangai yang mengganggu akan menjadi kurang bila anda mencarikan cara untuk memastikan setiap orang dalam kumpulan itu merasa mereka dikasihi dan diterima dan untuk mengambil bahagian dengan berjaya.

Gunakan Berbagai-bagai Cara Pengajaran



Ada banyak perkara yang boleh anda lakukan untuk memastikan persembahan pelajaran anda menarik hati dan untuk membantu ahli-ahli kelas mempelajari kebenaran injil. Berikut adalah beberapa cadangan:

Gunakan Cerita-cerita dan Contoh-contoh

Cerita-cerita dan contoh-contoh membangunkan dan menarik minat dan menunjukkan cara asas-asas injil dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian.

Anda akan mendapati cerita-cerita yang baik dalam kitab-kitab suci dan dalam buku panduan pengajaran anda. Sebelum pelajaran anda, kaji-kajilah setiap cerita yang anda akan gunakan. Melatih untuk menceritakannya dengan kata-kata diri sendiri. Kelas anda akan lebih memberi perhatian jika anda menceritakannya dalam kata-kata anda sendiri, dan bukan

hanya bacakan cerita itu sahaja. Selain itu, kanak-kanak suka melakukan cerita-cerita.

Seorang guru Sekolah Primer selalu memulakan pelajarannya dengan satu cerita dari kitab suci. Sebagai contohnya, bila pelajarannya adalah tentang perihal baik hati, dia menceritakan tentang orang Samaria yang baik hati. Kanak-kanak dapat menggambarkan dalam fikiran mereka lelaki itu yang dirompak dan orang yang memalingkan pandangan ke arah lain dan cepat melalui tempat itu. Kanak-kanak itu memperoleh satu impresi kebaikan dan maruah orang Samaria yang memberi bantuan kepada lelaki yang cedera itu. Kanak-kanak menantikan cerita-cerita ini. Guru itu belajar cara untuk menggunakan suara dan air mukanya untuk menarik perhatian kelasnya. Ahli-ahli kelas itu dapat mengenali cerita-cerita kitab-kitab suci dan menjadi lebih berminat terhadap cerita-cerita itu.

Gunakan Gambar-gambar dan Objek-objek



Juruselamat selalu gunakan objek-objek yang mudah bila Dia mengajar. Dia gunakan gandum, pasir, batu, dan benda-benda biasa lain untuk membantu orang ramai untuk memahami perkara yang Dia ajar. Sebagai contohnya, Dia merupakan kerajaan Tuhan sama seperti satu harta yang besar sehingga seorang manusia akan menjualkan segala yang dia miliki untuk memperolehnya. (lihat Matius 13:44).

Lihatlah di sekeliling anda. Objek-objek apakah yang boleh anda gunakan untuk membantu ahli-ahli kelas untuk lebih memahami asas-asas injil?

Anda mungkin mahu gunakan lukisan dan gambar yang biasa untuk mengilustrasikan asas-asas injil. Tunjukkan satu gambar dari Gospel Art Picture Kit bila anda menceitakan satu cerita kitab suci. Lukiskan gambar-gambar yang ringkas pada papan hitam atau sekeping kertas untuk membuatkan cerita itu lebih menarik hati.

Seorang guru memberi satu pelajaran yang berdasarkan perumpamaan Yesus tentang gandum dan lalang. Ahli-ahli kelas itu mendiami satu daerah pertanian, jadi guru itu tahu bahawa mereka akan memahami

bahawa gandum muda itu boleh dimusnahkan jika lalang itu disingkirkan terlalu awal. Dia menyediakan satu gendongan gandum yang kecil yang bercampur dengan lalang. Dia memamerkan gendongan itu sepanjang pelajaran itu.

Seorang guru yang lain menggalakkan ahli-ahli kelasnya untuk memikirkan satu perkara yang dapat mereka bandingkan dengan pertaubatan. Seorang ahli kelas mencadangkan bahawa pertaubatan adalah seperti satu sabun, ia boleh membersihkan kita dari dosa-dosa kita.

Gunakan Musik

Musik adalah satu cara yang baik untuk menjemput Roh Tuhan ke pelajaran anda. Musik menolong kita untuk menunjukkan perasaan yang mungkin susah ditunjuk melalui perkataan.



Lagu rohani Gereja mengajar banyak asas-asas injil yang boleh digunakan dalam hampir-hampirnya sebarang pelajaran pun. Anda boleh menjemput seorang individu, satu kumpulan, atau satu keluarga atau kelas untuk menyanyikan sebuah lagu rohani yang berkaitan dengan pelajaran anda. Anda juga boleh membacakan perkataan-perkataan lagu rohani dengan lantang semasa seseorang memainkan

musik iringan. Atau anda boleh memainkan satu rekod lagu rohani itu.

Seorang guru menyediakan satu pelajaran tentang pelayanan. Dia memilih satu lagu rohani yang menyokong idea utama itu. Semasa pelajaran itu, dia menjemput seorang saudara untuk membacakan perkataan-perkataan lagu rohani itu semasa seorang lagi mendengung lagu itu secara lembut. Dia memintakan kelas itu untuk merenungkan perkataan-perkataan itu semasa perkataan-perkataan itu dibacakan. Musik itu membantu ahli-ahli kelas lebih memahami kepentingan pelayanan.

Tanyakan Soalan-soalan Yang Menjemputkan Fikiran Cermat dan Yang Menciptakan Perbincangan



Menanya soalan-soalan yang sesuai akan menggalakkan pembelajaran dan perbincangan yang bererti dalam pelajaran anda. Soalan dan jawapan akan membantu anda dalam pelbagai cara. Mereka membantu ahli-ahli kelas untuk mempunyai perhatian yang penuh semasa pembelajaran. Anda boleh tahu sama ada ahli-ahli kelas memahami pelajaran itu. Ahli-ahli kelas boleh saling mengajar satu sama lain bila mereka menjawab dan membincangkan

soalan-soalan. Mereka boleh mempelajari tentang cara untuk mengaplikasikan asas-asas injil dalam hidup mereka.

Bila anda menyediakan pelajaran, buat keputusan tentang soalan-soalan yang akan anda tanya. Cadangan-cadangan berikut boleh membantu anda.

- Menanya soalan-soalan yang akan membantu ahli-ahli kelas memikir tentang asas-asas injil dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam hidup mereka. Soalan-soalan yang menggalakkan pemikiran biasanya bermula dengan “mengapa?” atau “bagaimana?” Anda harus mengelakkan soalan-soalan yang boleh dijawab dengan “ya” atau “tidak” atau jawapan yang hanya mengandungi satu perkataan sahaja.

Sebagai contohnya, bila mengajar tentang memusatkan hidup kita pada Juruselamat, anda boleh menanya soalan-soalan seperti berikut:

“Apakah ertinya untuk membina pada batu Kristus?”

“Apakah asas selain daripada batu Kristus yang orang mendasarkan hidup mereka?”

“Bagaimana anda sudah diberkati bila anda mendasarkan hidup anda pada batu Kristus?”

- Menanyakan soalan-soalan yang menggalakkan ahli-ahli kelas untuk mengongsikan idea-idea dan pengalaman peribadi. Sebagai contohnya:

“Mengapa Tuhan memerintah anda untuk berdoa?”

“Bagaimana Dia sudah menjawab doa-doa anda?”

- Menanya soalan yang menolong ahli-ahli kelas untuk mengaplikasikan asas-asas injil dalam hidup mereka. Sebagai contohnya:

“Bagaimana kita boleh menyediakan diri sendiri untuk menerima jawapan kepada doa-doa kita?”

“Bagaimana anda boleh mengetahui bahawa Yesus Kristus adalah Juruselamat dunia?”

“Bagaimana anda boleh memperkuat kesaksian anda bahawa Joseph Smith adalah nabi Tuhan?”

Jika seseorang menanya anda satu soalan yang tidak dapat anda jawab, tanyakan ahli-ahli kelas membantu anda untuk menjawab soalan itu, atau beritahu orang yang menanya soalan itu bahawa anda akan mencarikan jawapan lain kali.

Jangan risau jika ahli-ahli kelas menjadi senyap buat beberapa saat selepas anda menanya satu soalan. Mereka biasanya perlukan masa untuk memikirkan balasan. Tetapi, jika nampaknya mereka tidak memahami soalan itu, anda mungkin perlu menyusun semula soalan itu agar senang difahami. Bila menanya seseorang satu soalan, lebih baik jika memanggil dia dengan namanya sebelum menanya dia soalan.

Dan akhirnya, berhati-hati supaya anda tidak menamatkan satu perbincangan yang baik terlalu awal dalam usaha anda untuk mengajar segala bahan yang sudah anda sediakan. Perkara yang paling penting adalah ahli-ahli kelas merasai pengaruh Roh, meningkatkan kefahaman mereka tentang injil, belajar untuk mengaplikasikan asas-asas injil dalam hidup mereka, dan memperkuat komitmen mereka untuk mematuhi injil.

Menjemput Tetamu Khas


Kadang-kala anda mungkin hendak menjemput tetamu khas untuk menghadiri kelas anda. Anda boleh menjemput seorang ahli Gereja yang layak untuk memberi satu laporan, mengongsikan satu cerita, atau memberi satu kesaksian. Beritahu tetamu ini sebelum kelas betapa banyak masa dia harus ambil. Menanya kebenaran dari uskup atau presiden cabang anda sebelum anda menjemput seorang tetamu yang tinggal di luar kawasan bahagian atau cabang anda.

Seorang presiden kuorum orang tua-tua menjemput seorang ahli untuk datang dan memberitahu para orang tua-tua tentang cara untuk membuatkan pesanan-pesanan pengajaran keluarga mereka lebih menarik hati kepada kanak-kanak yang mereka kunjungi. Para orang tua-tua itu tidak hanya mendapati satu kefahaman baru tentang sebab kanak-kanak perlu mengambil bahagian dalam kunjungan pengajaran keluarga, tetapi mereka juga menerima banyak cadangan tentang cara untuk membantu kanak-kanak untuk mengambil bahagian.

Gunakan Aktiviti

Aktiviti ringkas yang berkenaan dengan pelajaran boleh membantu ahli-ahli kelas, terutamanya kanak-kanak dan para remaja, untuk mempelajari asas-asas injil. Aktiviti-aktiviti begitu harus sesuai dengan pembelajaran injil. Banyak buku bantuan yang diterbitkan oleh Gereja mengandungi cadangan-cadangan demi aktiviti-aktiviti.

Menyediakan Pelajaran Anda



Adalah penting untuk menyediakan pelajaran anda dengan berhati-hati supaya anda boleh mempersembahkan asas-asas injil dengan berkesan. Cadangan-cadangan berikut akan membantu anda untuk bersedia.

Identifikasikan Sumber-sumber

Gereja sudah menyediakan bahan-bahan kurikulum yang sudah diluluskan berdasarkan kitab-kitab suci dan pengajaran para nabi zaman akhir. Tanya pemimpin imamat atau pemimpin badan sokongan anda sama ada sumber-sumber berikut sedia ada untuk digunakan:

- Buku panduan guru yang diterbitkan oleh Gereja untuk kelas anda
- Salinan kitab suci untuk ahli-ahli kelas
- Majalah-majalah Gereja yang mengandungi pengajaran para nabi zaman akhir

- Bahan bantuan pembelajaran kitab suci dalam bahasa anda
- Satu set gambar-gambar yang dipanggil Gospel Art Picture Kit, yang harus berada dalam perpustakaan bagunan Gereja anda.

Mengajikan bahan-bahan yang sedia ada supaya anda boleh merancang cara untuk menggunakan bahan-bahan itu



dalam kelas anda. Anda tidak perlukan bahan yang kompleks untuk menjadi seorang guru yang berkesan. Kristus mengajar banyak pelajaran dalam keadaan yang rendah hati. Pengaruh yang paling penting dalam pengajaran anda adalah Roh. Penggunaan bahan-bahan sumber pengajaran yang sesuai serta bimbingan Roh memberikan potensi yang paling besar demi pembelajaran injil.

Mulakan Persediaan dengan Awal

Sediakan pelajaran anda awal. Biasanya adalah bagus untuk mula mengaji pelajaran beberapa minggu sebelum mengajar. Ini membenarkan masa untuk anda memikir dan berdoa tentang topik-topik pelajaran dan bersedia dengan secukupnya.

Berfokus pada Tujuan Pelajaran

Setiap pelajaran yang anda ajarkan harus mempunyai satu tujuan. Sebagai contohnya, tujuan satu pelajaran tentang berpuasa boleh membantu ahli-ahli kelas untuk memahami berkat dari berpuasa atau kepentingan untuk berpuasa demi satu tujuan tertentu pada Hari Ahad Puasa. Persembahan dan perbincangan dalam pelajaran harus berfokus pada tujuan itu.

Untuk membuat keputusan tentang tujuan satu pelajaran, kajikan bahan pelajaran itu dan juga ayat-ayat suci dalam pelajaran itu. Minta Tuhan menolong anda untuk memahami pesanan-pesanan yang terpenting dari pelajaran itu untuk individu yang anda ajar. Tanyakan diri sendiri, "Apakah yang harus berlaku dalam hidup mereka yang saya ajar sebagai akibat pelajaran

ini?" Banyak pelajaran dalam buku panduan yang diterbit oleh Gereja termasuk kenyataan tujuan. Kenyataan-kenyataan ini boleh membantu anda untuk membuat keputusan tentang cara setiap pelajaran harus mempengaruhi mereka yang anda ajar.

Membuat Keputusan tentang Perkara untuk Mengajar

Selepas anda membuat keputusan tentang tujuan pelajaran, tentukan asas-asas apakah yang harus diajar untuk mencapai tujuan itu. Kebanyakan buku panduan mengandungi ayat-ayat kitab suci, cerita-cerita, dan informasi lain untuk menolong anda mengajar pelajaran itu. Tetapi kebanyakan masa, satu pelajaran akan mengandungi lebih banyak bahan yang dapat anda ajar dalam masa yang diberikan. Dalam situasi ini, anda harus pilih bahan yang lebih penting kepada mereka yang anda ajar. Tanyakan diri sendiri, "Ajaran dan asas apakah dalam pelajaran ini akan membantu ahli-ahli kelas untuk menemui cabaran-cabaran yang mereka hadapi?"

Jika anda perlukan bahan yang tidak termasuk dalam buku panduan atau kitab suci, pertimbangkan kegunaan cerita-cerita dan ucapan-ucapan dari *Pesanan Presidensi Utama, Pesanan Pengajaran Berkunjung*, dan majalah-majalah Gereja, terutamanya pesanan-pesanan persidangan umum.

Semasa anda membuat keputusan tentang perkara yang harus diajar:

- Mengaji kandungan pelajaran dan berdoa.
- Buat satu senarai kunci ajaran dan asas-asas yang harus diajar dalam pelajaran itu.

- Ingatkanlah keperluan dan latar belakang mereka yang anda ajar.
- Ikut bimbingan dari Roh.

Biasanya adalah baik untuk berfokus pada satu atau dua prinsip utama.

Buat Keputusan tentang Cara untuk Mengajar

Selepas anda buat keputusan tentang perkara yang akan anda ajar, anda mesti buat keputusan tentang cara untuk mengajar perkara itu. Kaji bahan-bahan itu dan merenung dengan berdoa tentang cara yang terbaik untuk mempersembahkan pelajaran itu kepada mereka yang anda ajar. Kaedah yang anda gunakan harus membantu para pelajar untuk memahami dan mengaplikasikan perkara yang anda ajar.

Kaji secara berhati-hati ayat-ayat suci, cerita-cerita, dan informasi lain yang dibincang dalam pelajaran dan ayat-ayat suci lain yang akan membantu anda untuk mengajarkan ajaran atau prinsip. Bersedia untuk menolong ahli-ahli kelas untuk memahami cara untuk mengaplikasikan kitab-kitab suci dalam hidup mereka (lihat 1 Nefi 19:23).

Juga timbangkan untuk menggunakan cerita-cerita dan contoh-contoh dari hidup anda dan hidup ahli-ahli kelas anda. Contohnya, seorang remaja henti merokok selepas satu kelas imam yang mengajarkan Kata-kata Bijaksana dimana gurunya menghuraikan pengalaman saudaranya untuk mengatasi tabiat ini. Contoh ini menunjukkan seorang penghisap rokok boleh mengubah tabiatnya. Cerita ini menolong

ahli kelas itu membuat keputusan bahawa dia boleh mengubah hidupnya.

Untuk informasi yang lebih lanjut tentang kaedah pengajaran yang boleh menolong anda untuk mempersembahkan pelajaran, lihat muka surat 9–12 buku panduan ini.

Rancangkan Satu Kesimpulan

Juruselamat selalunya menyimpulkan perkara yang Dia ajarkan dan menggalak orang ramai untuk mengaplikasikan perkara itu dalam hidup mereka (lihat perumpamaan tentang orang Samaria yang baik hati, Lukas 10:30–37). Pada ketamatan pelajaran, anda harus mengkaji semula dan menyimpulkan perkara yang sudah diajar. Cadangkan cara-cara kepada ahli-ahli kelas untuk mengaplikasikan ajaran-ajaran dan asas-asas injil, dan jemput mereka untuk mencadangkan cara yang lain juga. Galakkan mereka untuk mencubakan salah satu idea ini sepanjang minggu. Pada pelajaran-pelajaran selepas itu, mungkin anda hendak menanya mereka tentang perkara yang sudah mereka belajar dari usaha mereka.

Para murid dalam kelas seorang guru dijemput untuk melakukan perkhidmatan secara diam-diam setiap hari buat satu minggu. Pada permulaan kelas selepas minggu itu, guru itu meminta satu laporan ringkas. Beberapa orang murid, penuh dengan semangat, mengongsikan pengalaman dan kegembiraan mereka dari melakukan amalan ini. Balasan positif dari ahli-ahli kelas itu menggalakkan orang lain untuk memberikan perkhidmatan yang lebih besar.

Memahami Mereka Yang Anda Ajar



Adalah penting untuk memahami mereka yang anda ajar. Timbangkan kematangan dan pengalaman ahli-ahli kelas anda. Orang yang berbeza umur mempunyai keperluan yang berbeza dan belajar dengan cara yang berbeza.

Kanak-Kanak

Kanak-kanak berkembang secara jasmani, sosial, penuh dengan perasaan, dan rohani. Bila anda menyediakan pelajaran anda, ingatkanlah bakat, keupayaan, dan keperluan setiap kanak-kanak.

Kanak-kanak gemarkan keanekaan. Gunakan cerita-cerita pendek, permainan yang ringkas, gambar-gambar, pelajaran objek, dan nyanyian untuk menarik perhatian mereka.

Kanak-kanak sedang belajar tentang pengongsian, kebaikan hati, dan kesabaran.

Bantukan mereka untuk mengatasi kesilapan dalam daerah ini dengan mengingatkan mereka tentang teladan Yesus dan menggallakkan mereka untuk mengikuti Dia.

Kanak-kanak sedia beryakin dan percaya. Mereka akan percaya perkara yang anda ajar mereka. Mereka juga meneliti dan mengikuti teladan anda.

Remaja

Waktu di antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa kadang-kala adalah susah dan mencabar. Ahli-ahli kelas mungkin mempunyai banyak tanggungjawab dalam keluarga mereka, dalam sekolah, dan dalam pekerjaan mereka. Cadangan-cadangan berikut boleh menolong anda untuk mempengaruhi para remaja demi kebaikan.

Menyediakan setiap pelajaran berkaitan dengan hidup mereka. Bantukan mereka

untuk melihat cara injil boleh menjawab soalan-soalan mereka dan menolong mereka untuk membuat keputusan yang bagus.

Para remaja mungkin merasa kesunyian atau tidak dihargai. Bantukan setiap orang remaja menjadi bahagian yang penting dalam kelas anda. Menjadi satu bahagian dalam kumpulan yang memiliki taraf injil memberikan para remaja kekuatan rohani dan membantu mereka untuk berkehidupan suci.


Tunjukkan mereka bahawa anda menghormati pandangan mereka. Galakkan mereka untuk mengambil bahagian dalam pelajaran

dan membincangkan idea-idea mereka bersama anda dan bersama satu sama lain.

Orang Dewasa

Ahli-ahli dewasa kelas berbeza dalam usia dan latar belakang serta pengalaman. Gunakan perbezaan ini untuk memperkayakan kelas anda. Galakkan ahli-ahli kelas untuk mengongsikan kebijaksanaan yang sudah mereka belajar dari pengalaman mereka. Gunakan bakat mereka.

Ajarkan kebenaran injil secara sederhana. Roh Kudus akan menolong ahli-ahli kelas untuk memahami dan mengaplikasikan kebenaran itu dalam hidup individu.



Ganjaran dari Pengajaran



Sebagai seorang guru, anda boleh mengalami kebahagiaan yang datang dari membantu orang lain untuk berkembang dalam ilmu injil mereka. Usaha ketekunan dan yang beriman anda untuk mengajarkan injil akan membantu orang lain mengembangkan kesaksian yang kuat tentang Juruselamat dan mematuhi perintah-perintah.

Seorang guru Sekolah Hari Ahad risau bahawa ada banyak orang dalam kelas yang lebih berkelayakan untuk mengajar. Dia meragu sama ada pengajarannya berkesan atau tidak. Pada satu hari Ahad seorang ahli kelas membawakan guru itu ke sebelah bilik. Dia berkata bahawa kerana pengalaman suaminya dengan Roh dalam kelas, suami itu bertekad untuk mengadakan doa keluarga setiap hari. Dia juga bertekad untuk bersedia untuk pergi ke bait suci untuk dimeteraikan secara

sekeluarga. Ahli kelas itu menyatakan kasihnya dan penghargaannya terhadap usaha guru itu untuk menjemputkan Roh ke kelas mereka. Guru itu penuh dengan kerendahan hati, dan dia memahami tujuan dan ganjaran benar yang datang dari pengajaran.

Bila anda mengajar, anda juga diberkati bersama murid-murid anda. Ilmu injil anda dan kesaksian anda tentang Juruselamat akan diperkukuhkan semasa anda mengaji, menyedia, dan mengajarkan pelajaran injil. Anda akan merasa kasih sayang yang lebih hebat terhadap orang lain. Anda akan merasa satu limpahan Roh dalam hidup anda bila anda berusaha dengan rendah hati dan tekun untuk mematuhi perkara yang anda ajar. Hidup anda akan diperkayakan oleh pelayanan anda sebagai seorang guru.

Mentadbir Perbaikan Guru dalam Cabang



Presidensi cabang bertanggungjawab terhadap mutu pengajaran dalam cabang.

Tanggungjawab Penyelaras Perbaikan Guru

Bila keahlian cabang bertambah, seorang dari presidensi cabang memanggil dan menetapkan seorang penyelaras perbaikan guru untuk mengawasi perbaikan guru. Penyelaras mungkin seorang saudara atau saudari. Dia seorang ahli majlis cabang dan melayan sebagai sumber kepada pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan serta para guru dalam usaha mereka untuk meningkatkan pengajaran injil. Penyelaras itu membantu para pemimpin untuk merancang dan menjalankan pertemuan-pertemuan perbaikan guru dan, bila ditugaskan, juga mengajar kursus Teaching the Gospel.

Sokongan Pemimpin kepada Para Guru

Pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan bertanggungjawab terhadap mutu pengajaran injil dalam organisasi mereka. Mereka adalah contoh pengajaran yang unggul dan mereka menolong para guru untuk memahami kepentingan panggilan mereka. Mereka memberikan penghargaan, bantuan, dan galakan kepada para guru yang mereka layani. Keunggulan pengajaran dalam Gereja akan meningkat bila para pemimpin memberikan sokongan dan galakan kepada para guru dalam organisasi mereka.

Pertemuan Perbaikan Guru

Setiap pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan serta guru harus menghadiri pertemuan perbaikan guru

sekali setiap tiga bulan untuk mempelajari asas-asas, kaedah dan kemahiran untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran injil. Penyelaras perbaiki guru memimpin dalam jadual dan rancangan pertemuan perbaiki guru dengan berunding bersama para pemimpin imamat dan para pemimpin badan sokongan. Pertemuan ini harus diadakan pada waktu yang senang bagi para guru dan para pemimpin dan tidak bertentangan dengan jadual hari Ahad yang biasa. Seharusnya, pertemuan ini tidak lebih dari satu jam.

Pertemuan perbaiki guru boleh mengandungi:

- Satu pesanan yang ringkas dari seorang ahli presidensi cabang atau pemimpin imamat atau pemimpin badan sokongan tentang prinsip pengajaran dan prinsip pembelajaran.
- Satu persembahan tentang kaedah atau kemahiran pengajaran oleh seorang pemimpin imamat atau pemimpin badan sokongan atau seorang guru.
- Masa para guru dan para pemimpin untuk mengongsikan idea-idea dan membincang tentang cara-cara untuk menolong ahli-ahli kelas tertentu.

Bila bilangan guru dan pemimpin dalam cabang bertambah, satu pertemuan

perbaiki guru boleh diadakan setiap sesuku tahun untuk:

- Para guru dan para pemimpin kepada ahli-ahli yang berusia 18 dan ke atas.
- Para guru dan para pemimpin kepada ahli-ahli yang berusia 12 sehingga 17.
- Para guru dan para pemimpin dalam Sekolah Primer.

Pertemuan-pertemuan ini boleh dijadualkan supaya salah satu dari mereka diadakan setiap bulan.

Mengajar Kursus Teaching the Gospel

Kursus Teaching the Gospel memberikan satu dasar untuk menolong ahli-ahli untuk menjadi guru injil yang lebih baik dalam rumah tangga mereka dan dalam pertemuan Gereja. Satu rumusan kursus berada pada muka surat 21–22 dalam buku panduan ini. Penyelaras perbaiki guru mengajar kursus ini kecuali bila presidensi cabang memanggil seorang ahli cabang lain untuk mengajarkannya.

Presidensi cabang menjemput ahli-ahli untuk mengambil kursus ini. Biasanya, tidak lebih daripada 10 orang ahli mengambil kursus ini pada satu masa yang sama, ini membenarkan setiap orang mengambil bahagian dengan sepenuhnya.

Rumusan Kursus Teaching the Gospel

Kursus Teaching the Gospel memberikan semua ahli Gereja satu kesempatan untuk mempelajari cara untuk menjadi guru yang lebih baik. Pengajar kursus ini adalah penyelarar perbaikan guru atau seorang guru lain yang berpengalaman yang di panggil oleh presiden cabang. Kursus ini boleh diajar semasa Sekolah Hari Ahad atau pada masa lain yang lebih senang. Jika kursus ini diadakan untuk para pemimpin dan para guru dari satu organisasi yang tertentu, ia boleh diajarkan sebagai sebahagian pertemuan kepimpinan mereka. Dimana jarak atau kemudahan yang sedia ada untuk Sekolah Hari Ahad susah didapati, satu gabungan pengajian di rumah dan beberapa pertemuan kelas (setiap pertemuan mengajarkan beberapa pelajaran) boleh ditimbangkan.

Idea-idea untuk setiap pelajaran sudah disediakan dalam buku bantuan ini. Bila pengajar menyediakan pelajaran, dia harus gunakan cadangan-cadangan dalam seksyen ini yang bertajuk "Gunakan Berbagai-bagai Cara Pengajaran." Pada setiap ketamatan pelajaran, pengajar harus menggalak ahli-ahli kelas untuk melaksanakan perkara yang sudah mereka belajar hari itu, mahupun dalam kelas Gereja ataupun dalam Malam Keluarga. Ini akan meningkatkan perkembangan mereka sebagai guru. Selain daripada yang sudah disebutkan, kursus ini harus diadakan sepanjang lapan minggu mengikut jadual berikut. Cadangan-cadangan berikut disediakan untuk pengajar kursus.

Minggu 1

Berikan satu salinan buku panduan ini kepada setiap ahli kelas, dan mengulang-kaji kandungannya. Tumpukan perhatian pada pengenalan dan seksyen yang bertajuk "Menyediakan Diri Sendiri Secara Rohani." Menegaskan kepentingan pene-tapan dan pematuhan injil untuk berkelayakkan teman Roh.

Minggu 2

Tumpukan perhatian pada "Kasih Mereka yang Anda Ajarkan," dalam seksyen yang bertajuk "Mengajar Seperti Yesus." Juga merujuk kepada sifat-sifat kumpulan usia pada muka surat 16–17 dari buku panduan ini. Mintakan ahli-ahli kelas untuk mengong-sikan pengalaman di mana memahami atau menghulur tangan kepada ahli-ahli keluarga atau ahli-ahli kelas secara kasih sa-yang mendatangkan satu kesan yang positif. Anda mungkin ingin berbincang tentang cara pengajar keluarga boleh membantu dan menyuburkan setiap ahli mengikut keperluannya, terutamanya penganut baru dan ahli-ahli yang kurang upaya.

Minggu 3

Tumpukan perhatian pada "Ajarkan Kebenaran Injil," yang berada dalam seksyen yang bertajuk "Mengajar Seperti Yesus." Menegaskan kepentingan mengajar ajaran dengan beriman, dengan jelas, dan dengan mudah, gunakan kitab-kitab suci bila mengajar, dan menubuhkan satu rancangan untuk pengajian injil peribadi.

Minggu 4

Tumpukan perhatian pada “Ajar Melalui Roh,” yang berada dalam seksyen yang bertajuk “Mengajar Seperti Yesus.” Bantu ahli-ahli kelas untuk merasa galakan bahawa mereka boleh berkelayakan untuk temanan Roh dalam pengajaran mereka. Bantu mereka belajar untuk mengenali dan mengikuti Roh.

Minggu 5

Tumpukan perhatian pada “Jemputkan Pembelajaran yang Tekun,” yang berada dalam seksyen yang bertajuk “Mengajar Seperti Yesus.” Menegaskan cara-cara tertentu di mana para guru boleh menolong orang yang mereka ajar untuk menerima tanggungjawab mereka untuk mempelajari injil dan mematuhi injil dengan lebih penuh.

Minggu 6

Tumpukan perhatian pada “Ciptakan satu Suasana Pembelajaran,” yang berada dalam seksyen yang bertajuk “Mengajar Seperti Yesus.” Bantukan ahli-ahli kelas memahami cara untuk menolong mencipta satu suasana di mana setiap orang mengambil bahagian dan ingin belajar.

Minggu 7

Tumpukan perhatian pada seksyen yang bertajuk “Gunakan Berbagai-bagai Cara Pengajaran.” Menubuh satu pengajaran yang berkesan memerlukan fikiran dan daya cipta, dan bahan-bahan dalam seksyen ini boleh membantu anda. Mintakan ahli-ahli kelas untuk menunjukkan dan mengongsikan pengalaman mereka

dengan kaedah pengajaran yang dibincangkan dalam seksyen ini.

Minggu 8

Tumpukan perhatian pada seksyen yang bertajuk “Menyediakan Pelajaran Anda.” Bantu ahli-ahli kelas untuk memahami kepentingan memulakan persediaan pelajaran dengan awal, dan bincangkan cara untuk merancang dan mempersembahkan pelajaran yang berkesan.

Pada waktu yang sesuai sepanjang kursus ini, anda boleh menekankan elemen-elemen dalam seksyen yang bertajuk “Gajaran dari Pengajaran.” Minta ahli-ahli kelas untuk mengongsikan cara para guru sudah memberkati hidup mereka dan cara mereka sebagai guru menolong orang lain.

Selepas ketamatan kursus ini, galakkan para penyerta untuk terus berkembang sebagai guru. Jika mereka baru dipanggil, pemimpin imamat atau pemimpin badan sokongan mereka harus bertemu dengan mereka dan berikan mereka satu orientasi yang ringkas tentang kelas itu dan ahli-ahlinya. Selepas itu, mereka harus melaporkan perkembangan mereka dan membincangkan keperluan dan cabaran dengan pemimpin imamat dan pemimpin badan sokongan mereka dari masa ke masa. Mereka boleh menjemput seorang pemimpin untuk mengunjung kelas mereka dan membantu mereka. Penyelaras perbaikan guru adalah satu sumber yang berterusan kepada semua guru—mereka yang dipanggil sebagai guru kelas dan mereka yang mengajar dalam keluarga mereka dan tanggungjawab kepimpinan.

Memperolehi Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga

Para pemimpin tempatan dan ahli lain boleh memperoleh bahan-bahan Gereja, termasuk kitab-kitab suci, kursus pengajian, majalah Gereja, pakaian suci, dan pakaian bait suci, dari pusat pengedaran Gereja atau pusat perkhidmatan dari Salt

Lake Distribution Center, atau melalui laman web internet Gereja, www.lds.org.

Informasi tentang kerja sejarah keluarga sedia ada pada laman web internet sejarah keluarga, www.familysearch.org.

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

